NEGERI SABAH

[JPAN :700-3/501/19 PT.2(15)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 10/2005

IMBUHAN TAHUNAN 2005

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuhan Tahunan kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri bagi tahun 2005.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah bersetuju membayar Imbuhan Tahunan bagi tahun 2005 kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebagai menghargai sumbangan mereka. Imbuhan Tahunan yang diputuskan adalah sebanyak RM1,500.00 bagi semua kumpulan/gred.

PELAKSANAAN

Anggota Yang Layak

3. Anggota yang layak dibayar Imbuhan Tahunan adalah seperti berikut:

a. anggota tetap, sementara, sangkut, sambilan dan kontrak,

b. anggota yang bercuti separuh gaji;

c. anggota yang dikenakan hukuman tatatertib berbentuk amaran;

d. anggota kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya.

Anggota Yang Tidak Layak

4. Anggota yang tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan adalah seperti berikut:

a. anggota yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 2005;

b. anggota yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2005;

c. anggota yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2005;

d. anggota yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 2005; dan

e. anggota yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman yang dinyatakan di perenggan 3(c).

Anggota Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan

5. Anggota yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan. Anggota hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati anggota tersebut tidak bersalah atau anggota hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 3(c).

Kaedah Pembayaran

6. Imbuhan Tahunan dibayar kepada anggota yang berkhidmat pada tahun 2005, perkiraan Imbuhan Tahunan adalah tertakluk kepada genap satu bulan perkhidmatan. Kiraan genap satu bulan perkhidmatan bermaksud satu bulan kalendar.

7. Anggota akan dibayar sebanyak separuh daripada Imbuhan Tahunan pada bulan **Oktober 2005** dan separuh lagi pada bulan **Januari 2006.**

8. Anggota yang dilantik mulai 1 November 2005/ bersara/meninggal dunia/letak jawatan/tamat perkhidmatan/tamat kontrak, perkiraan Imbuhan Tahunan adalah secara bersekadar (*proportionate)* mengikut genap satu bulan perkhidmatan.

9. Anggota yang mengambil cuti tanpa gaji tetapi tidak sepanjang tahun, perkiraan Imbuhan Tahunan adalah secara bersekadar (*proportionate*) mengikut genap satu bulan perkhidmatan.

10. Bagi anggota sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan. Sekiranya bilangan hari bekerja dalam sebulan adalah kurang daripada 21 hari, perkiraan bilangan hari bekerja adalah berdasarkan hari bekerja tertinggi dalam bulan berkenaan.

JABATAN YANG MEMBAYAR

11. Pembayaran Imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan jabatan di mana anggota ditempatkan pada bulan pembayaran atau jabatan terakhir di mana anggota bertugas sebelum berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(K. Y. MUSTAFA)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Jabatan Ketua Menteri
Kota Kinabalu

Tarikh : 25 Oktober 2005

s.k: Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan,
Wisma Kewangan,
88593 KOTA KINABALU.

Bendahari Negeri,
Jabatan Bendahari Negeri,
88595 KOTA KINABALU.

Pengarah Audit,
Jabatan Audit,
88990 KOTA KINABALU.

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil